
Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4Klt.46 (94)
Tarikh : 23 Disember 2021

SIARAN MEDIA

KPKT MENERUSKAN MISI PEMULIHAN PASCA BANJIR DI NEGERI PAHANG

MARAN, 23 Disember 2021 – YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) turun padang ke Mentakab dan Maran, Pahang bagi meneruskan misi pemulihan pasca banjir. Beliau bersama YB Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib, Timbalan Menteri KPKT yang juga merupakan Ahli Parlimen Maran pada hari ini telah menyerahkan **Bakul Bantuan Bencana KPKT** di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) SK Mentakab Jaya dan SMK Tengku Ampuan Afzan, Chenor.

Bakul Bantuan Bencana KPKT berupa makanan dan keperluan lain yang disediakan oleh KPKT serta agensi di bawahnya bagi meringankan bebanan mangsa-mangsa banjir di sana. KPKT melalui agensinya iaitu Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) merupakan antara agensi barisan hadapan yang terlibat dalam misi menyelamatkan mangsa-mangsa banjir di seluruh negara.

PPS SK Mentakab Jaya menempatkan 1,251 orang mangsa banjir daripada 354 keluarga manakala PPS SMK Tengku Ampuan Afzan pula menempatkan 132 orang mangsa banjir dari 37 keluarga.

Misi Bantuan Banjir KPKT turut membawa 400 Bakul Bantuan Banjir untuk kedua-dua PPS tersebut di samping barang-barang keperluan lain yang disampaikan sendiri oleh YB Dato' Sri Reezal Merican kepada wakil penduduk. Turut sama di dalam Misi Bantuan Banjir di Mentakab adalah YB Dato' Sri Mohd Sharkar Shamsuddin, ADUN Lanchang yang juga merupakan Exco Kerajaan Negeri Pahang.

YB Dato' Sri Reezal Merican memaklumkan bahawa KPKT dan seluruh agensinya komited membantu rakyat yang terkesan akibat daripada banjir yang berlaku ketika ini. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia merupakan frontliner kita yang berada di lapangan sejak hari pertama lagi. Lebih penting, tumpuan kita ke hadapan ini adalah kerja-kerja pembersihan pasca banjir. Insya Allah, saya telah mengarahkan SWCorp untuk menggandakan usaha dan meningkatkan kapasiti jentera untuk membuat kerja-kerja pembersihan awam. Begitu juga dengan sukarelawan KPKT, MyLiveable Squad yang akan turun membantu melakukan kerja-kerja pembersihan ini di samping mengagihkan bakul bantuan.

Beliau turut memuji mangsa banjir yang ditempatkan di setiap PPS yang dilawati, yang dilihat tenang dan memberi kerjasama cukup baik kepada anggota penyelamat serta petugas-petugas dari pelbagai agensi seperti JBPM, PDRM, APM, ATM dan KKM. Ini sekali gus memudahkan kerja-kerja pemindahan serta pengurusan PPS yang lebih berkesan.

YB Dato' Sri Reezal Merican turut melahirkan penghargaan kepada seluruh anggota bomba dan penyelamat yang sentiasa memberikan khidmat terbaik kepada rakyat meskipun ada di antara mereka yang turut ditimpa musibah banjir pada ketika ini. Di Pahang sahaja, seramai 58 buah rumah anggota bomba dan penyelamat turut ditimpa musibah banjir selain daripada 2 buah Balai Bomba dan Penyelamat, masing-masing di Bentong dan Mentakab, terjejas akibat banjir. Di seluruh negara, seramai 207 orang anggota bomba dan penyelamat termasuklah pegawai gunasama turut terjejas akibat banjir.

Seramai 33 orang anggota, masing-masing ditugaskan di Mentakab dan Maran untuk pelbagai operasi bagi membantu mangsa banjir dan aset-aset bomba juga telah dimobilasi mengikut keperluan setempat. Selain itu, di Maran, KPKT melalui agensinya SWCorp turut menjalankan kerja-kerja pembersihan dengan 112 orang sukarelawan yang telah memulakan misi pemulihan sejak awal pagi.

Seramai 5,000 anggota Bomba telah ditugaskan untuk operasi banjir yang berlaku di mana seramai 23,805 mangsa telah berjaya diselamatkan dan dipindahkan ke Pusat Pemindahan Sementara seluruh negara. Bagi negeri Pahang pula, JBPM telah melaksanakan sebanyak 2599 operasi sepanjang darurat banjir iaitu 685 operasi SAR, 623 pemindahan mangsa banjir ke PPS, 779 penghantaran logistik dan bakinya pelbagai operasi lain seperti pemantauan, rondaan, pemindahan dan penghantaran pesakit dan lain-lain lagi. Seramai 401 anggota JPBM terlibat di seluruh negeri Pahang dengan mobilisasi aset bomba seperti 44 unit bot bomba (aluminium), 11 boat fiber, 35 unit *Fire Rescue Tender*, 1 unit Kevlar 28 unit 4x4 dan 13 unit kenderaan angkut.

KPKT dan agensi di bawahnya juga telah memperuntukan sebanyak **RM 58 juta** bagi usaha pemulihan banjir seluruh negara dengan perincian seperti berikut:

- a) Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) : **RM 50 Juta** (kos membaik pulih infrastruktur di 25 PBT yang terjejas banjir);
- b) PR1MA : **RM 2 juta** (keperluan asas, bakul makanan dan lain-lain; dan
- c) SWCorp : **RM 6 juta** (kos kerja pemulihan dan pembersihan pasca banjir)

Kementerian ingin menasihatkan orang ramai agar lebih peka dan berwaspada dalam memastikan keselamatan diri dan keluarga semasa musim banjir ini serta kekal menjaga SOP bagi mengelakkan penularan COVID-19. Orang ramai dinasihatkan untuk menghubungi talian kecemasan ***Nasional Disaster Command Centre (NDCC)*** di **03-8064 2400** sekiranya memerlukan bantuan kecemasan dan juga balai-balai bomba berdekatan.

#KPKTPrihatin #PasukanKPKT

#BekerjaBersamaRakyat #KeluargaMalaysia

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

